

UPM juara menembak 10 meter antara universiti


Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) menunggui Kejohanan Menembak 10 Meter Antara Universiti Jemputan Kebangsaan Kali Ke-2, 2016 apabila merangkul tujuh pingat emas, perak (empat) dan gangsa (tiga) dalam kejohanan berkenaan.

Kejayaan itu membolehkan pasukan terbabit membawa pulang hadiah wang tunai RM2,600 daripada RM6,000, jumlah wang tunai keseluruhan ditawarkan. Tempat kedua diraih pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Politeknik Shah Alam di tempat ketiga.

Kejohanan itu diadakan di Lapang Sasar Menembak 10 Meter Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), di sini selama lima hari bermula 23 November lalu.

Sebanyak empat acara dipertandingkan iaitu 10 meter 'Air Rifle' lelaki, 10 meter 'Air Pistol' wanita, 10 meter 'Air Pistol' lelaki dan 10 meter 'Air Rifle' wanita.

Pemenang dari UPM Muhammad Zubir Mohammad, 24, berkata, latihan secara



PEMENANG Kejohanan Menembak 10 Meter Antara Universiti Jemputan Kebangsaan Kali Ke-2 bersama medal dan hadiah wang tunai dimenangi.

konsisten selama empat jam setiap hari menjadi kunci kejayaan kepada pasukannya, selain dia turut menjuarai acara individu, 10 meter 'Air Rifle Men'.

"Alhamdulillah, kami dapat menewaskan juara tahun lalu iaitu pasukan UiTM walaupun terpaksa bersaing sengit daripada pasukan berkenaan.

"Pengalaman selama 10 tahun dalam bidang ini banyak membantu kepada kejayaan ini," katanya.

Penuntut tahun tiga Kejuruteraan Komputer, Sis-

tem dan Komunikasi itu berkata, dia dan pasukannya bertekad untuk mempertahankan kejuaraan berkenaan dalam kejohanan akan datang.